

Hagia Sophia simbol baharu tamadun Turki

**Prof Madya
Dr Azmul
Fahimi
Kamaruzaman**



*Timbalan Dekan, Fakulti
Pengajian Islam, Universiti
Kebangsaan Malaysia*

Keputusan Mahkamah Turki, Jumaat lalu yang membatalkan Dikri 1934 akhirnya berjaya menukar kembali status bangunan Hagia Sophia di Istanbul dari muzium kepada masjid. Hagia Sophia bukan sekadar bangunan bersejarah dan warisan Turki di Istanbul, sebaliknya simbol baharu mendefinisikan kedudukan Turki hari ini dari sudut tamadunnya.

Sekurang-kurangnya terdapat tiga faktor utama boleh dijadikan asas kepada kenyataan itu. Pertama, Turki pimpinan Presiden Recep Tayyib Erdogan meletakkan iltizam tinggi menghargai legasi tamadun Uthmaniyah sebagai visi, ciri dan inspirasi kenegaraan untuk

masa hadapan.

Umum mengetahui, Hagia Sophia pernah dijadikan masjid ketika Istanbul yang dahulunya dikenali Konstantinopel dibuka Sultan Muhammad al-Fateh pada 1453. Sebelumnya, Hagia Sophia ialah gereja ketika Konstantinopel diperintah Byzantin atau Rom Timur.

Sesuai kemenangan dan penguasaan Islam ke atas Istanbul serta naungan ke atas dunia Islam dan wilayah lain seluas 23 juta kilometer persegi, Hagia Sophia dijadikan masjid.

Namun, keputusan al-Fateh itu sama sekali tidak memusnahkan dekorasi warisan Kristian dalam Hagia Sophia, bahkan dikekalkan dan ditambah dekorasi serta seni bina baharu Islam.

Bagaimanapun, Dikri 1934 ketika Turki dipimpin Kamal Ataturk akhirnya menjadikan Hagia Sophia sebagai muzium. Inisiatif Erdogan ini dapat difahami bahawa menjadi hak kedaulatan Turki untuk mengubah fungsi bangunan itu sesuai peredaran zamannya.

Kedaulatan itu tidak boleh

dicampuri mana-mana pihak. Bahkan Ankara juga menegaskan perubahan fungsi Hagia Sophia sama sekali tidak menjejaskan identitinya sebagai pusat warisan dan kebudayaan Turki malah hanya menambah fungsinya, sekali gus tempat solat dan kebudayaan.

Kedua, Ankara mahu menghantar mesej jelas dan tidak langsung kepada dunia Islam terhadap iltizam dan kebolehan domestik mereka untuk menjadi pemimpin berkesan kepada ummah secara global.

Keputusan ini pastinya meningkatkan populariti Turki sebagai negara dan kota terpenting bagi dunia Islam dalam bentuk, pendekatan serta dimensi baharu berbanding negara di rantau Teluk dan dunia Arab.

Biarpun Istanbul mahupun Ankara bukan kota suci Islam, inisiatif ini sedikit sebanyak mendatangkan hormat, membuka mata umat dan pemimpin dunia Islam bahawa Turki bersedia memikul amanah pernah digalas tamadun Uthmaniyah suatu ketika dahulu dalam mo-

del baharu dan lebih segar.

Ketiga, keputusan ini memperlihatkan blok Barat masih terkepung paradigma dan minda berdasarkan teori Samuel P Huntington, iaitu *The Clash of Civilization* atau Pertembungan Tamadun. Dalam teorinya, Huntington menjelaskan sumber kepada konflik global bukanlah berpunca faktor ideologi mahupun ekonomi tetapi perbezaan budaya, identiti dan agama yang diistilahkan sebagai pertembungan antara tamadun.

Justeru, bantahan antarabangsa terhadap keputusan Ankara menjadi manifestasi kepada suara bersumberkan dan berpusatkan sentrik dogma Huntington bahawa agama, identiti dan budaya ialah perbezaan yang membawa kepada masalah dan bahaya.

Anggapan keputusan mengekalkan Hagia Sophia sebagai muzium ialah jalan tengah meraikan sejarah dan menghargai kepelbagaian agama sama sekali menafikan hak Turki sebagai negara berdaulat untuk menentukan bentuk, hala tuju dan

identiti masa hadapannya.

Turki berhak menentukan apa jua keputusan miliknya tanpa campur tangan asing. Lebih penting lagi, keputusan ini dilihat mampu memberikan definisi baharu kepada tamadun moden Turki pada era Erdogan.

Perbezaan antara tamadun bukan satu pertembungan tetapi pengkayaan kepada kepelbagaian khazanah dunia yang perlu bertemu untuk berkenalan dan seterusnya menghormati antara satu sama lain. Barat perlu mencari wacana dan gagasan falsafah sejarah baharu yang lebih lestari atau kekal serta perlu meninggalkan teori Huntington di gedung perpustakaan dunia.

Erdogan dan Turki akan terus diperhatikan dengan penuh minat oleh dunia dan umat Islam. Ketika Amerika Syarikat (AS) terumbang-ambing menghadapi Tembok Besar China, barangkali agak keterlaluan jika dikatakan dunia Islam boleh menyusun semula kedudukannya dengan Turki sebagai Neo-Uthmaniyyah dan Erdogan pula persis al-Fateh kontemporari.